


T/T Pembuka Sebutharga

T/T Pembuka Sebutharga



JABATAN KERJA RAYA

NASKAH DOKUMEN SEBUTHARGA

PERUNTUKAN : NEGERI (28000)

KERJA MENGGANTI PAGAR DI KUARTERS JKR 901 JKRSB DAN 902 JKRSB, JALAN PEGAWAI, SUNGAI BESAR, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN

NO SEBUTHARGA : 41/2021

G1 (CE21 DAN B24 ATAU CE32)

TARIKH JUAL : 27.07.2021 (SELASA)
TARIKH AKHIR JUAL : 03.08.2021 (SELASA)
TARIKH TUTUP : 04.08.2021 (RABU)

CE21 - PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM

B24 - KERJA PENYENGGARAAN BANGUNAN

CE32 - KERJA PENYENGGARAAN KEJURUTERAAN AWAM



PEJABAT JURUTERA DAERAH
JKR SABAK BERNAM
NO TEL : 03-32242581

ISI KANDUNGAN SEBUTHARGA

BIL	PERKARA
1.0	Notis Sebut Harga
2.0	Arahan Kepada Penyebut Harga
3.0	Syarat-Syarat Sebut Harga
4.0	Spesifikasi Adenda
5.0	Surat Akuan Pembida – Lampiran 5A Dan Akuan Pembida Berjaya – Lampiran 5B
6.0	Borang Sebutharga Kerja – Lampiran 6A Klausa Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan – 6B
7.0	Rekod Pengalaman Kerja – Lampiran 7A , Senarai Kerja Dalam Tangan – 7B dan Maklumat Am Latar Belakang Penyebut Harga - Lampiran 7C
8.0	Laporan Bank / Syarikat Kewangan Ke atas Kedudukan Kewangan Kontraktor (Untuk Kerja melebihi RM 200,000.00 G2/G3 Sahaja) – Lampiran 8A dan Surat Kebenaran Untuk Mendapatkan Maklumat Kewangan daripada Bank Yang Berkaitan – Lampiran 8B
9.0	Kebenaran Semakan Daripada Agensi Rujukan/ Laporan Kredit Ke atas Syarikat - Lampiran 9 (G2/G3 SAHAJA)
10.0	Senarai Kuantiti (Bill of Quantities - BQ Kerja) Ringkasan Sebutharga
11.0	Lukisan dan Lain-Lain Yang Berkaitan
12.0	Prosedur Operasi Standard (SOP) Operasi Tapak Bina - Lampiran 10)
13.0	Borang Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans Untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Kerja) (G2/G3 SAHAJA) - Lampiran 11

SENARAI SEMAKAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tandakan [/] Bagi Dokumen-dokumen yang Disertakan.

BIL	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUTHARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian (SSM) Kewangan (Bekalan / Perkhidmatan/Kerja)		
2.	Salinan Sijil Perolehan Kerja kerajaan Dari CIDB		
3.	Salinan Perakuan Pendaftaran (Kerja) Dari CIDB		
4.	Salinan Sijil Taraf Bumiputra Dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (STB) (Kerja)		
5.	Salinan Pendaftaran UPEN (Wajib Bagi Sebutharga Peruntukan Negeri)		
6.	Akuan Pembida -Lampiran 5A		
7.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (Termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani – Lampiran 6A		
8.	BQ Kerja		
9.	Maklumat Latar Belakang – Lampiran 7 Senarai Kerja Dalam Tangan – 7B Maklumat Am Latar Belakang Penyebut Harga – 7C		
10.	Laporan Bank / Syarikat Kewangan ke atas Kedudukan Kewangan Kontraktor (Bagi Kerja G2/G3 iaitu melebihi RM200,000.00) – Borang CA – 8A	T.B	T.B
11.	Surat Kebenaran Untuk Mendapatkan Maklumat Kewangan daripada BANK yang berkaitan (Bagi Kerja G2/G3 iaitu melebihi RM200,000.00) – Borang CA1 – 8B	T.B	T.B
12.	Kebenaran Semakan Daripada Agensi Rujukan/Laporan Ke Atas Syarikat (Bagi Kerja G2/G3 yang melebihi RM200,000) Lampiran 9	T.B	T.B
13.	Penyata kewangan 3 Bulan Terkini untuk SEBUTHARGA RM 200,000.00 dan KE ATAS (G2/G3) SAHAJA	T.B	T.B
14.	Resit Pembelian Sebutharga Online (Wajib Disertakan) melalui laman sesawang https://tender.selangor.my		
15.	Cadangan Penyelenggaraan /Penyenggaraan (jika perlu)		

Nota - T.B = Tidak Berkaitan

<u>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</u>	<u>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</u>
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil :.....(Jika Ada)</p>
Tandatangan: Nama : Jawatan : Tarikh :	Tandatangan: Nama : Jawatan : Tarikh :
	Tandatangan: Nama : Jawatan : Tarikh :



JABATAN KERJA RAYA DAERAH SABAK BERNAM,
SABAK BERNAM,
45300 SUNGAI BESAR.

TEL. No: 03-32242581

NO SEBUTHARGA : 41/2021

Sebutharga ini adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred **G1**, Kategori **CE DAN/ATAU B** Pengkhususan **CE21, DAN B24 ATAU CE32 DAN** Sijil Taraf Bumiputera (STB)) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang dibenarkan untuk membeli dokumen sebutharga.

Sebutharga boleh didapati mulai **27hb Julai 2021** sehingga **03hb Ogos 2021** di **Kaunter Unit Ukur Bahan, JKR Sabak Bernam** dengan bayaran sebanyak **Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja RM10.00**. Dokumen sebutharga ini hendaklah dilengkapkan dan dikembalikan pada **04hb Ogos 2021** sebelum jam 12.00 tengah hari.

KERJA MENGGANTI PAGAR DI KUARTERS JKR 901 JKRSB DAN 902 JKRSB, JALAN PEGAWAI, SUNGAI BESAR, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Nama Kontraktor :

Alamat :

No. Telefon : No. Resit :

Tuan,

Pejabat ini menjemput tuan mengemukakan sebutharga untuk kerja di atas. Sila masukkan Borang Sebutharga yang telah diisi di dalam sampul surat yang telah dimeterai dan alamatkan kepada pejabat yang mengeluarkan borang tersebut.

2. Sampul surat tersebut hendaklah dicatitkan nombor sebutharga dan tarikh tutup yang tercatat seperti di atas.

b.p Jurutera Daerah,
 Jabatan Kerja Raya,
 Daerah Sabak Bernam



PEJABAT : JURUTERA DAERAH SABAK BERNAM

NOTIS SEBUTHARGA

NO SEBUTHARGA : 41/2021

KERJA MENGGANTI PAGAR DI KUARTERS JKR 901 JKRSB DAN 902 JKRSB, JALAN PEGAWAI, SUNGAI BESAR, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam **Gred G1, Kategori CE DAN/ATAU B, Pengkhususan CE21, DAN B24 ATAU CE32 DAN** Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) pendaftaran syarikat beralamat di **DAERAH SABAK BERNAM** sahaja yang dibenarkan untuk membeli dokumen sebutharga.
2. Dokumen Sebutharga boleh didapati mulai tarikh **27hb Julai 2021** hingga **03hb Ogos 2021** secara **ONLINE SAHAJA** di laman Web <https://tender.selangor.my>. Bayaran yang dikenakan adalah sebanyak **RINGGIT MALAYSIA SEPULUH SAHAJA (RM 10.00)** melalui kemudahan Kad Kredit Visa, Master Kad dan FPX.
3. Dokumen yang telah dimuat turun hendaklah dibukukan dan senarai lampiran yang perlu disertakan hendaklah mematuhi sepertimana yang terdapat dalam senarai semakan.
4. **KEBENARAN KHAS** hendaklah dipohon sebelum membeli dokumen sebutharga dan dikemukakan bersama tawaran sebutharga semasa menghantar dokumen sebutharga. Kontraktor hendaklah mengemukakan surat kelulusan dari **CIDB** bagi tujuan tersebut.
5. Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan hendaklah mencatat No.Rujukan Sebutharga di sebelah penjuru kiri sampul tersebut. Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutharga di pejabat **JKR SABAK BERNAM** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari 04hb Ogos 2021(Tarikh Tutup)**.
6. Sekiranya serahan tangan tidak dapat dilakukan, Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar dengan menggunakan **Pos Berdaftar/ Kurier**, Kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga yang ditetapkan selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD HANAFI BIN KASIM)P.P.T

Jurutera Daerah

JKR Sabak Bernam

**TAMBAHAN PERTAMA KEPADA
ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA
(DIBACA BERSEKALI DENGAN ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA DALAM DOKUMEN
SEBUTHARGA INI)**

- 1 Kerajaan menawarkan kemudahan pembiayaan melalui SME-Go Scheme kepada mana-mana kontraktor yang berminat dan berkelayakan tanpa mengeluarkan apa-apa bayaran tunai atau cagaran lain.
- 2 SME-Go Scheme merupakan satu pembiayaan alternatif kepada kontraktor untuk melaksanakan projek Kerajaan. Kontraktor tidak tertakluk untuk memilih pembiayaan melalui SME-Go Scheme. Kontraktor diberi pilihan untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan lain berdasarkan pertimbangan perniagaan (business-to-business assessment) jika tidak memilih pembiayaan melalui SME-Go Scheme.
- 3 Kontraktor hendaklah memahami terma dan syarat mengenai SME-Go Scheme daripada SME Bank. Kontraktor boleh merujuk maklumat lanjut di laman sesawang SME Bank (www.smebank.com.my) dalam membuat pertimbangan.
- 4 Pembiayaan Melalui SME-Go Scheme :
 - a. Pembiayaan SME-Go Scheme ini adalah ditawarkan kepada kontraktor Gred G2 dan G3 bagi semua perolehan kerja di bawah PRE PRIHATIN dan projek pembangunan bagi tahun 2020 yang bernilai di antara RM200,000 sehingga RM800,000.
 - b. SME-Go Scheme merupakan satu pembiayaan alternatif kepada kontraktor untuk melaksanakan projek Kerajaan. Kontraktor tidak wajib memilih pembiayaan melalui SME-Go Scheme.
 - c. Kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan adalah layak untuk mendapatkan kemudahan wang pendahuluan sebanyak 25% daripada nilai kontrak atau maksimum RM100,000, yang mana lebih rendah, tertakluk kontraktor memenuhi syarat bayaran pendahuluan kepada peraturan perolehan yang berkuat kuasa. Antara syarat bayaran pendahuluan adalah kontraktor hendaklah menyediakan jaminan bank.
 - d. SME Bank akan mengeluarkan jaminan bank sebagai syarat mendapatkan bayaran pendahuluan tanpa mengenakan keperluan kepada kontraktor untuk mengemukakan cagaran.
 - e. Kerajaan akan membayar terus wang pendahuluan kepada SME Bank sebagai memenuhi keperluan cagaran bank untuk kontraktor mendapatkan pembiayaan pinjaman modal kerja;
 - f. Pembiayaan kepada Kontraktor akan diberikan oleh SME Bank sehingga 100% daripada kos kontrak dengan kenaikan caj sebanyak 7% setahun. Pembiayaan ini memerlukan kontraktor mencagarkan bayaran kepada SME Bank melalui Surat Ikatan Penyerahan Hak (*Deed of Assignment -DOA*).
 - g. Pengeluaran pembiayaan daripada SME Bank kepada kontraktor dibuat secara berperingkat berdasarkan Harga Kontrak. Pembiayaan ini bukan sahaja dapat memudahkan aliran tunai kontraktor bagi tujuan pembayaran kepada pembekal, gaji pekerja dan kos lain berkaitan, malah turut dapat membantu kontraktor menyiapkan projek dalam masa yang ditetapkan tanpa perlu menunggu bayaran tuntutan kemajuan kerja.

- h. Bayaran bagi tuntutan kemajuan kerja oleh Kontraktor akan dibuat oleh Agensi Kerajaan kepada SME Bank.
- i. SME Bank akan melaksanakan penyelarasan semula ke atas pembayaran yang diterima daripada Agensi Kerajaan dan sebarang lebihan, selepas tolakan dibuat ke atas baki pembiayaan akan disalurkan kepada kontraktor selaras dengan terma dan syarat dalam *DOA* serta perjanjian pembiayaan.
- j. Kontraktor wajib menandatangani Surat Kebenaran Semakan Daripada Agensi Rujukan/ Laporan Kredit ke atas Syarikat untuk tujuan semakan laporan kredit syarikat seperti di **Lampiran 9**. Surat tersebut hendaklah dikemukakan kepada agensi penyebut harga semasa mengemukakan tawaran harga.

**TAMBAHAN KEDUA KEPADA
ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA
(DIBACA BERSEKALI DENGAN ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA DALAM DOKUMEN
SEBUTHARGA INI)**

- 1 Kerajaan memandang serius risiko penularan wabak COVID-19 ketika ini. Bagi memastikan pelaksanaan projek tidak tergendala dan berjalan seperti yang dirancang, Prosuder Operasi Standard (SOP) Operasi Tapak Bina di Lampirkan seperti di Lampiran 10 bagi tujuan mencegah risiko penularan COVID-19 di tapak bina.
- 2 Pihak kontraktor hendaklah sentiasa memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
- 3 Tuntutan disebabkan pematuhan SOP Operasi Tapak Bina ini atau dijangkiti COVID-19 adalah dibawah tanggungjawab kontraktor sendiri dan tidak melibatkan pihak Kerajaan.
- 4 Dokumen sebutharga yang dijual termasuk SOP Operasi Tapak Bina ini. Dan ianya **tidak menjadi syarat wajib melengkapkan dokumen**. SOP ini akan dirujuk selepas Kontraktor ditawarkan kerja.

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA.

2.1 Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat pen segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga.
 - b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebutharga,
 - c) Senarai Kerja Dalam tangan,
 - d) Jadual Kadar Harga (Jika Ada),
 - e) Borang Akujanji Pembida, DAN Pembida Berjaya (**mengikut surat arahan KPKR bil 4/2010**).
 - f) Butir-butir Spesifikasi (Jika Ada).
- Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
 - Kegagalan mengisi / menandatangani Borang Sebutharga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.
 - Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga (BQ) dan Borang Sebutharga (Lampiran 6A), maklumat di dalam **Borang Sebut Harga (Lampiran 6A)** diberi keutamaan.
 - Sekiranya Dokumen Sebut Harga disediakan dalam bentuk softcopy (berbentuk CD), Penyebut Harga hendaklah mengemukakan Dokumen Sebut Harga dalam bentuk Softcopy dan hardcopy. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara softcopy dan hardcopy, Dokumen sebutharga dalam **hardcopy hendaklah digunapakai**.
 - Sekiranya Penyebutharga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negative terhadap keupayaannya, Sebut Harga akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.
 - Hanya cop Alamat sahaja yang dibenarkan digunapakai bagi borang-borang yang terdapat dalam dokumen sebutharga.
 - Kontraktor hendaklah memastikan tandatangan pada borang sebutharga sama dengan tandatangan penama yang hadir semasa taklimat diadakan (seperti dalam sijil CIDB, PKK dan lain-lain yang berkaitan). Sekiranya terdapat perbezaan atau keraguan pada tandatangan tersebut, borang sebutharga tersebut juga akan **DITOLAK**. (**Hanya untuk sebutharga yang mewajibkan Taklimat Dan Lawatan Tapak Sahaja**).
 - **KEGAGALAN KONTRAKTOR** mematuhi semua arahan diatas akan menyebabkan borang sebutharga tersebut **DITOLAK**.

2.2 Kontraktor dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama Sebut Harganya (Wajib disertakan bagi sebutharga bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM800,000.00). Bagi sebutharga Gred G2/G3.

- a) Salinan Penyata Bulanan Akuan Bank mengenai Wang Dalam Tangan Penyebut Harga bagi tiga **(03) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebutharga** dan disahkan oleh Pegawai dari Cawangan Bank Berkenaan (Pengesahan ASLI) yang mempunyai nama dan ID pegawai yang berkenaan ATAU
- b) Deposit Tetap, baki nilai kemudahan kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak / akan diperoleh oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan. Laporan bank / institusi kewangan mengenai kedudukan kewangan Penyebut Harga atas format seperti **BORANG 8A dan 8B** dalam satu sampul berlakri. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang ditauliahkan oleh pihak bank berkenaan (jika ada).
** Borang 8B wajib diisi dengan lengkap oleh pihak Syarikat / Kontraktor dan ditandatangani. Semua maklumat hendaklah ditulis dengan menggunakan dakwat pen kecuali nama Syarikat dan alamat.

3. INTEGRITI PACT

- 3.1 Penyebut Harga **WAJIB** mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di Lampiran 5A dan 5B di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- 3.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.
- 3.3 Penyebut Harga yang Berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di Lampiran 1B beserta borang perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa Menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

4. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 4.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebutharga **40/2021** Serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- 4.2 Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan **POS BERDAFTAR/ KURIER** supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

**UNIT UKUR BAHAN,
JKR SABAK BERNAM,
45300 SUNGAI BESAR.**

4.3 Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan , berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan **DIPERTIMBANGKAN**.

5. PENJELASAN LANJUT

Sekiranya terdapat maklumat dalam **Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah**,Penyebut Harga boleh menghubungi pejabat yang menjual Dokumen Sebut Harga untuk penjelasan lanjut.

6. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **EMPAT (4)** minggu. Mana-mana Penyebut Harga yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh siap kerja maksimum yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

7. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUTHARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

8. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Laporan mengenai penarikan balik Sebut Harga oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB/BPKU untuk tindakan.

9. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

- 9.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan dengan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- 9.4 Mana-mana Kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

10. KADAR HARGA MUNASABAH

Kadar harga yang ditawarkan / dinyatakan mestilah harga yang munasabah mengikut harga pasaran semasa dan juga tertakluk kepada dua titik perpuluhan untuk setiap item di dalam BQ dan sekiranya terdapat item kerja yang dinyatakan di dalam borang sebutharga **TIDAK MUNASABAH** dan **TIDAK DIHARGAKAN** oleh pihak penyebutharga, jawatankuasa sebutharga berhak menolak sebutharga tersebut. (Pihak Jabatan tidak terikat kepada mana-mana penyebutharga yang menawarkan harga terendah).

11. HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA.

Dokumen sebutharga ini dijual dengan kadar **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00)** Sahaja.Ruj:JN.SEL.(UB)11/07 (QS)Jld.3 (52) bertarikh 14.04.2016.

12. INSURANS

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Syarat-syarat Kontrak, Sebagai satu syarat terdahulu sebelum memulakan apa-apa kerja dibawah Kontrak, Petender mestilah mengambil dan mengemukakan insuran yang diperlukan kepada Pegawai Penguasa.

12.1 POLISI INSURANS, PERKESO DAN BON PELAKSANAAN (BAGI SEBUT HARGA BERNILAI MELEBIHI RM200,000 HINGGA RM800,000.00)

- i) Polisi Insurans Kerja – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh pelaksanaan kerja bagi jumlah harga dan meliputi keseluruhan tempoh siap kerja.
- ii) Polisi Insurans Liabiliti Awam – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi keseluruhan tempoh siap kerja termasuk tempoh tanggungan kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari. Nilai liputan minimum bergantung kepada nilai Sebutharga.
- iii) Nombor Kod Pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja (perkeso); dan
- iv) Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai Sebut Harga yang bernilai melebihi RM200,000.00 dalam bentuk Jaminan Bank / Syarikat Kewangan / Jaminan Bank Islam / Jaminan Insurans / Jaminan Takaful. Sekiranya kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank atau Insurans, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah digunapakai. Pengesahan berkenaan kesahihan Jaminan Bon Pelaksanaan dengan pihak Bank / Syarikat Insurans berkaitan kaedah WJP hendaklah sepertimana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa.

12.2 POLISI INSURANS, PERKESO DAN BON PELAKSANAAN (BAGI SEBUT HARGA BERNILAI MELEBIHI RM50,000 HINGGA RM800,000.00)

- i) Polisi Insurans Kerja (Sekiranya dinyatakan dalam Butir-Butir Ringkasan Sebut Harga – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh pelaksanaan kerja bagi jumlah harga sepenuhnya dan meliputi keseluruhan tempoh siap kerja.
- ii) Polisi Insurans Liabiliti Awam – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi keseluruhan tempoh siap kerja termasuk tempoh tanggungan kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari. Nilai liputan minimum bergantung kepada nilai Sebutharga ;

iii) Nombor Kod Pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja (perkeso).

12.3 POLISI INSURANS, PERKESO DAN BON PELAKSANAAN (BAGI SEBUT HARGA BERNILAI SEHINGGA RM50,000

- i) Polisi Insurans Kerja (Sekiranya dinyatakan dalam Butir-Butir Ringkasan Sebut Harga – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh pelaksanaan kerja bagi jumlah harga sepenuhnya dan meliputi keseluruhan tempoh siap kerja.
- ii) Polisi Insurans Liabiliti Awam – Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi keseluruhan tempoh siap kerja termasuk tempoh tanggungan kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari. Nilai liputan minimum bergantung kepada nilai Sebutharga ;
- iii) Nombor Kod Pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja (perkeso).

12.4 PANDUAN LIPUTAN

Panduan bagi liputan minimum bagi insurans liability awam yang perlu diinsuranskan berdasarkan nilai Sebut Harga bagi kerja yang mempunyai risiko yang dianggap biasa adalah seperti berikut:

Had Nilai Perolehan (RM)	Liputan minimum bagi setiap kemalangan untuk bilangan kemalangan yang tidak terbatas (RM)
Tidak melebihi 50,000.00	10,000.00
50,001.00 hingga 100,000.00	25,000.00
100,001.00 hingga 200,000.00	50,000.00
200,001.00 hingga 500,000.00	100,000.00
500,001.00 hingga 800,000.00	200,000.00

12.4.1 Bagi kerja yang mempunyai risiko yang luarbiasa seperti risiko pada bangunan sedia ada yang bersebelahan, liputan insurans di atas wajar digandakan.

12.5 #Merujuk kepada Pekeliling Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dikeluarkan pada 29 Febuari 2000, petender yang Berjaya hendaklah mengemukakan keperluan insuran seperti yang dinyatakan didalam kontrak insurance Brokers SDN.BHD (PIBSB) yang beralamatkan seperti Berikut:

**PNSB Insurance Brokers Sdn.Bhd,
Tingkat 24, Wisma MBSA,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.**

Telefon : 603-55193271

Faks : 603-55193280

#(HANYA UNTUK PROJEK NEGERI SAHAJA)

SEKIRANYA PIHAK KONTRAKTOR GAGAL MEMATUHI ARAHAN YANG DINYATAKAN, PIHAK JABATAN BERHAK UNTUK MENOLAK SEBUTHARGA TERSEBUT.

** Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

*** Pengiraan harga dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal – hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 2.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 2.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos Pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 2.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh kerja.
- 2.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 2.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 2.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

3. BON PELAKSANAAN DAN INSURANS.

3.1 **Bon Pelaksanaan Untuk Sebut Harga Sahaja.**

3.1.1 Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang bernilai melebihi **RM 200,000.00** mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Sekiranya kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan bagi kontrak kerja, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa. Bagi Kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00, **kontraktor hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan adalah sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak. (Ruj : Arahan Perbendaharaan 176.2 atau 200.2)**

- i) Sekiranya Kontraktor memilih Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) sebagai kaedah Bon Pelaksanaan, amaunnya adalah berdasarkan **5% daripada Harga Kontrak.**
- ii) Potongan WJP dalam setiap bayaran interim adalah 10% daripada Bayaran Disyorkan sehingga mencapai 5% daripada Harga Kontrak.

- iii) Bagi tujuan pelepasan, Perakuan Pelepasan Wang Jaminan Pelaksanaan adalah seperti di Lampiran L. Perakuan ini menunjukkan jumlah WJP yang perlu dibayar / dipulangkan kepada Kontraktor.

3.1.2 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dengan nilai minimum..... bagi setiap kemalangan bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk tempoh kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO).

3.1.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua Polisi Insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

4. BAYARAN PENDAHULUAN

Kontraktor boleh memohon Bayaran Pendahuluan sebanyak 25% atau RM100,000.00 yang mana lebih rendah jika memenuhi kesemua syarat berikut:

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN :-

4.1.1 Kerja yang dilaksanakan bernilai melebihi RM200,000.00

4.1.2 **Tempoh siap kerja tidak kurang dari 3 bulan.**

4.1.3 Permohonan daripada Kontraktor diterima dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Inden Kerja Dikeluarkan.

4.1.4 Polisi Insurans telah dikemukakan oleh Kontraktor.

4.1.5 Satu jaminan terhadap Bayaran Pendahuluan dikemukakan oleh kontraktor sama ada dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Syarikat Kewangan atau Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful. Nilai jaminan hendaklah sama dengan nilai bayaran pendahuluan yang dimohon.

4.1.6 Bayaran balik pendahuluan akan dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja yang telah disempurnakan dan diselesaikan selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%.

4.1.7 Liabiliti di bawah Jaminan Bayaran Pendahuluan akan tamat apabila Kerajaan mengutip semula jumlah penuh pendahuluan yang telah dibayar. Walau bagaimanapun, jika jumlah penuh pendahuluan yang telah dibayar tidak boleh dicapai sebelum tarikh siap kontrak atau apa-apa pelanjutan yang diberi atau sebelum tarikh penamatan dalam kes kontrak yang ditamatkan, maka baki pendahuluan yang perlu dibayar balik kepada Kerajaan hendaklah dituntut daripada Jaminan Bayaran Pendahuluan.

5. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

5.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir – butir dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

5.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 5.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- i. Suruhanjaya Tenaga
- ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- iii. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- iv. Jabatan Bomba dan Penyelamat
- v. Pihak Berkuasa Tempatan.

6. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

7. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mensub-sewakan kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

8. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN.

8.1 Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucer-baucer dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

8.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk tujuan ujian.

8.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

9. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

9.1 Borang Perjanjian Inden Kerja, Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor dan Dokumen Sebut Harga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Kontrak ini.

9.2 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

9.3 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

10. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR.

10.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- e) Apabila Kontraktor diistiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10.2 Walau apa pun di atas, sekiranya Kontrak ini ditamatkan di bawah perenggan 10.1 dan 10.2, Bon Pelaksanaan / WJP akan dirampas sepenuhnya.

11. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

12. KERJA PERUBAHAN

12.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

12.2 Semua kerja perubahan dan / atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti / Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

13. PENGUKURAN KUANTITI SEMENTARA

Setelah kerja-kerja yang melibatkan Kuantiti Sementara disiapkan di tapak, pengukuran semula kuantiti hendaklah dibuat secara bersama.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

15.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga G1 hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Manakala bagi sebut harga G2/G3 hendaklah sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Kerja-kerja **mekanikal dan elektrik** dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

15.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Sebut Harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.

15.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada Kontraktor (sekiranya pembaikan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh Kerajaan) Atau, jika baki itu tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan, Pengarah Kerja Raya Negeri / Ketua Jabatan. Bagi Kerja-kerja elektrik / mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Kanan Cawangan Kerja Elektrik / Pengarah Kanan Cawangan Kerja Mekanikal.

16. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sepenuhnya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Walaubagaimanapun, Pegawai Inden hendaklah membuat potongan atau menahan sejumlah amaun wang yang akan dibayar kepada Kontraktor sebagai kos untuk memperbaiki apa-apa kecacatan yang tidak dapat dibaiki oleh Kontraktor di dalam tempoh tanggungan kecacatan.

17. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

18. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

19. PENAMATAN BERSABIT RASUAH, AKTIVITI MENYALAHAI UNDANG-UNDANG ATAU AKTIVITI HARAM.

19.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, Jika kontraktor, personel, kakitangan atau pekerja disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan Perjanjian / Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang Kontraktor mungkin ada dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian / Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada Kontraktor.

19.2 Setelah penamatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatan tersebut.

19.3 Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan Kontraktor bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

20. SPESIFIKASI KERJA

Spesifikasi Piawai JKR (JKR Standard Specification 2014), digunakan sebagai panduan dalam menghargakan dan pembinaan.

21. PERUBAHAN KERJA DAN PERLANJUTAN MASA UNTUK KONTRAK KERJA.

21.1 Perubahan kerja dibenarkan sekiranya perlu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a) Peruntukan yang mencukupi;
- b) Kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga diperolehi terlebih dahulu sebelum perubahan kerja dilaksanakan. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah terdiri daripada Pegawai Teknikal; dan
- c) Jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% daripada nilai kontrak atau tidak melebihi RM 100,000.00 mengikut mana yang terendah. Cadangan perubahan kerja terkumpul melebihi 20% daripada nilai kontrak atau RM 100,000.00 hendaklah dirujuk untuk kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.

21.2 Definisi dan kriteria Perubahan Kerja adalah sama seperti ditetapkan dalam AP 202.

21.3 **Pelanjutan masa** bagi kontrak kerja adalah dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga terlebih dahulu.

Perkara-perkara yang membolehkan Lanjutan Masa (EOT) diberikan adalah :-

- a) Force majeure
- b) Exceptional Inclement Weather
- c) S.O Instruction
- d) Delay in giving possession of site

22. # PENETAPAN GANTIRUGI TERTENTU (LAD)

Gantirugi akan dikenakan kepada pihak kontraktor sekiranya berlaku kelewatan kemajuan kerja dengan menggunakan formula pengiraan seperti di bawah: **(Ruj: JN.SEL.(UB)11/07 JLD.4(2) bertarikh 2 Disember 2016.**

- | | | |
|---------------------------------|---|------------------------|
| i) BLR / 365 HARI x NILAI INDEN | } | Yang mana lebih tinggi |
| ii) RM100 / SEHARI | | |

(HANYA UNTUK PROJEK DIBAWAH PERUNTUKAN NEGERI SAHAJA IANYA TERPAKAI)

KERANAAN NEGERI SELANGOR SPEKIFIKASI ADENDA

1. KEHENDAK AM

Spesifikasi tambahan ini hendaklah dibaca sama hubungan dengan spesifikasi Piawai, lukisan- lukisan (jika ada) dan syarat-syarat kontrak. Istilah spesifikasi yang digunakan adalah sama maksudnya dengan Spesifikasi Addenda dan Spesifikasi Piawai. Sebarang percanggahan yang timbul di antara Spesifikasi Addenda dan Spesifikasi Piawai dan / atau lukisan kontrak dan / atau syarat-syarat kontrak, perkara-perkawa di bawah hendaklah digunakan.

- 1.1 Syarat-syarat Kontrak adalah lebih diutamakan dari lain-lain dokumen yang menjadi sebahagian daripada kontrak ini.
- 1.2 Spesifikasi Addenda adalah lebih diutamakan dari dokumen lain didalam kontrak melainkan Syarat-syarat Kontrak.
- 1.3 Lukisan-lukisan kontrak (jika ada) adalah lebih diutamakan daripada Spesifikasi Piawai.
- 1.4 Didalam lukisan kontrak (jika berkaitan), lukisan butiran berskala besar adalah lebih diutamakan daripada lukisan butiran berskala kecil.

2. LOKASI TAPAK KERJA / PEMERIKSAAN TAPAK.

Kerja-kerja yang akan dilaksanakan adalah di **daerah Sabak Bernam**

Semua kontraktor adalah WAJIB melawat tapak untuk memastikan sendiri skop dan keadaan kerja - kerja yang terlibat kerana tuntutan tambahan tidak akan dibayar atas alasan kekurangan maklumat mengenai keadaan tapak oleh pihak kontraktor.

3. GAMBAR FOTO KEMAJUAN KERJA

Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar kemajuan kerja sepanjang tempoh kontrak sepertimana yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Gambar-gambar tersebut tidak boleh diedarkan kecuali dengan kelulusan secara bertulis dari pihak JKR Daerah Sabak Bernam.

4. PROGRAM KERJA

Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada Pegawai Penguasa dua (2) salinan Program kerja untuk kelulusan dalam masa 1 minggu selepas penerimaan Surat Tawaran Sebutharga dikeluarkan. Program yang telah mendapat kelulusan hendaklah dikemaskini mengikut arahan Pegawai Penguasa.

5. AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

Sekalipun terdapat apa-apa maklumat bertentangan terkandung di dalam mana-mana Dokumen kontrak, pihak kontraktor mestilah mengarahkan semua Sub- Kontraktor sama ada telah dilantik atau sebaliknya untuk mematuhi keperluan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang diperuntukkan dalam syarat -syarat kontrak. Kontraktor mestilah bertanggungjawab untuk menyerahkan kepada Pegawai Penguasa samada diminta atau tidak, nombor-nombor kod pekerja dari Sub-Kontraktor dan nombor-nombor Keselamatan Sosial, atau Lampiran Borang 2 atau 3, jika nombor-nombor Keselamatan Sosial tersebut belum lagi dapat diperolehi dari pekerja-pekerja yang bekerja dengan mereka.

6. MESYUARAT TAPAK

Kontraktor hendaklah sentiasa mengadakan mesyuarat-mesyuarat sesama sendiri, sesama Sub - Kontraktor yang terlibat, Pelanggan dan Pegawai Penguasa bagi tempoh pelaksanaan projek. Mesyuarat hendaklah diadakan ditempat yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Bilangan mesyuarat yang diadakan bergantung kepada Kemajuan Kerja.

7. IKLAN

Sebarang iklan atau keterangan tidak boleh dipamerkan ditapakbina atau lain-lain tempat tanpa kelulusan secara bertulis daripada Pegawai Penguasa.

8. KENYATAAN AKHBAR

Pihak kontraktor, pekerjanya atau wakilnya tidak dibenarkan membuat kenyataan akhbar atau keterangan yang boleh memburukkan pihak Kerajaan, Pegawai Penguasa dan kakitangannya. Kontraktor juga tidak dibenarkan member sebarang maklumat kepada pihak awam mengenai perihal kontrak ini sebelum atau sesudah kerja disiapkan.

9. KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN TAPAK KERJA

Tapak kerja hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan bersih pada setiap masa. Langkah-langkah keselamatan termasuk menyediakan papan tanda petunjuk / amaran hendaklah sentiasa diadakan bagi mencegah apa-apa kemalangan yang mungkin berlaku dan membahayakan orang awam dan pekerja pejabat.

10. PENYEDIAAN / PENGAWASAN KERJA

Kontraktor perlu mengadakan seorang penyelia kerja di tapak kerja pada setiap masa bekerja. Ini adalah memudahkan Pegawai Penguasa memberi arahan atau teguran berhubung dengan mutu kerja berkenaan.

11. PEMBERSIHAN TERHADAP KERJA-KERJA SEDIA ADA

Kontraktor adalah bertanggungjawab membersihkan tapak kerja serta membuang semua sampah dan bahan-bahan yang telah ditinggalkan / dirobuhkan setelah kerja-kerja siap dilaksanakan.

12. KECATATAN TERHADAP KERJA-KERJA SEDIA ADA

Kontraktor adalah dinasihat supaya tidak merosakkan kerja-kerja yang sedia ada. Sebarang kecacatan yang telah berlaku dalam tempoh masa kerja-kerja dijalankan samada dengan sengaja atau tidak sengaja oleh pekerja-pekerja, pihak kontraktor adalah bertanggungjawab membaikinya seperti sedia ada dengan perbelanjaan sendiri.

13. KAWALAN KESELAMATAN

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan harta benda serta keselamatan orang ramai di tapak kerja. Iaitu dari hari pertama beliau memulakan kerja sehingga penyerahan tapak ke pihak pelanggan.

14. BAHAN-BAHAN BINAAN YANG DIBEKALKAN

Bahan-bahan binaan yang dibekalkan mestilah mengikut spesifikasi pihak IKRAM atau SIRIM serta diluluskan oleh Pegawai Penguasa.

15. SKOP KERJA

Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja dan semua peralatan yang diperlukan dalam melaksanakan semua skop kerja yang dinyatakan di Ringkasan Tawaran dimana semua kosnya telah diambil kira dalam menghargakannya. Semua kerja hendaklah mengikut arahan Pegawai Penguasa, Lukisan-lukisan dan Spesifikasi serta hendaklah berkualiti tinggi. Sila rujuk Tambahan Kepada Spesifikasi Adenda di mukasurat SA/4 hingga SA/8.

16. KUANTITI

Kuantiti yang diberikan adalah kuantiti sementara (anggaran) sahaja yang hanya bertujuan memberi panduan pada kontraktor untuk menghargakan sebutharga. Kuantiti sebenar akan diperolehi apabila pengukuran semula dibuat setelah kerja-kerja tersebut disiapkan. Bagaimana pun kontraktor hendaklah melawat ke tapak bina sebelum menghargakan bagi memastikan sendiri kuantiti sebenar. Apa-apa tuntutan tambahan harga / kadar yang mungkin timbul disebabkan tidak ada persamaan dengan kuantiti yang diberi tidak akan dilayan.

SURAT AKUAN PEMBIDA Bagi

NO SEBUTHARGA : 41/2021

**KERJA MENGGANTI PAGAR DI KUARTERS JKR 901 JKRSB DAN 902 JKRSB, JALAN PEGAWAI,
SUNGAI BESAR, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

Saya _____ Nombor K.P _____
yang mewakili _____

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JKR SABAK BERNAM** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga *seperti di atas,. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JKR SABAK BERNAM** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga * seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga * di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga * seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
Nama :

Nombor K.P :

Cop Syarikat :

.....
Catatan : *Potong mana yang tidak berkaitan

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA Bagi

NO SEBUTHARGA : 41/2021

**KERJA MENGGANTI PAGAR DI KUARTERS JKR 901 JKRSB DAN 902 JKRSB, JALAN PEGAWAI,
SUNGAI BESAR, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

Saya _____ Nombor K.P _____
yang mewakili _____ nombor Pendaftaran _____

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JKR SABAK BERNAM** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga *seperti di atas,. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JKR SABAK BERNAM** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga * seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
Nama :

Nombor K.P :

Cop Syarikat :

Catatan : *Potong mana yang tidak berkaitan

T/T Pembuka Sebutharga

T/T Pembuka Sebutharga

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Jurutera Daerah,
JKR Sabak Bernam,
45300 Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

Sebut Harga Untuk :

NO SEBUTHARGA : 41/2021

KERJA MENGGANTI PAGAR DI KUARTERS JKR 901 JKRSB DAN 902 JKRSB, JALAN PEGAWAI, SUNGAI BESAR, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebutharga, spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia

(RM)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masaminggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh pada..... haribulan..... 20.....

Tandatangan Kontraktor
Nama :
No. K/P :
Alamat :
Atas Sifat :

Tandatangan Saksi
Nama :
No. K/P :
Alamat :

(Meterai atau Cap Kontraktor)

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

- a) Tanpa menjejaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, Jika kontraktor, personel, kakitangan atau pekerja disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan Perjanjian / Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang Kontraktor mungkin ada dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian / Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada Kontraktor.
- b) Setelah penamatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatan tersebut.
- c) Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan Kontraktor bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

REKOD PENGALAMAN KERJA

Lampiran 7A

BIL	NAMA KONTRAKTOR DAN PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK*	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH SIAP		NAMA DAN ALAMAT PEGAWAI PENGUJASA / JURUTERA PERUNDING	NAMA DAN ALAMAT MAJIKAN
					KONTRAK	SEBENAR		

* Tempoh Kontrak hendaklah termasuk masa yang diluluskan

SENARAI KERJA KONTRAK SEMASA

Lampiran 7B

(Senarai semua kerja di dalam tangan / sedang berjalan dan belum siap termasuk kontrak yang baru di award)

BIL	NAMA KONTRAKTOR DAN PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK*	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH SIAP		NAMA DAN ALAMAT PEGAWAI PENGUASA / JURUTERA PERUNDING	NAMA DAN ALAMAT MAJIKAN
					KONTRAK	SEBENAR		

* Tempoh Kontrak hendaklah termasuk masa yang diluluskan

MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA

1. Nama :
2. Alamat :
3. No Telefon :
4. No Faks :
5. Pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Sertakan salinan pendaftaran)
 - i. No. Pendaftaran :
 - ii. Tarikh Daftar :
 - iii. Kelas dan Tajuk / Tajuk Kecil :
 - iv. Taraf (Bumiputra / Bukan Bumiputra) :
 - v. Jika Bumiputra , tempoh sah taraf : Dari hingga

6. Ahli - Ahli Syarikat

(i) Ahli - ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

SULIT

**BORANG CA – LAPORAN BANK / INSTITUSI KEWANGAN
MENGENALI KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUT HARGA**

(Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak bank atau institusi kewangan lain dan diserahkan kepada penyebut harga dalam satu sampul berlakri untuk disertakan bersama-sama sebutharga sekiranya penyebut harga mempunyai kemudahan kredit dengan Bank / Institusi Kewangan yang berkenaan).

Kepada :

.....

.....

.....

(Jurutera Daerah)

Nama Penyebutharga :

Projek :

(A) **Kemudahan Kredit** yang boleh digunakan untuk Pelaksanaan Projek:
Kemudahan Kredit yang dilulus dan kemudahan kredit tambahan minimum yang layak diperolehi oleh Penyebut Harga seperti berikut:-

Bentuk Kemudahan	Baki drpd yang telah diluluskan	Tambahan Minima Yang Akan Diluluskan	Jumlah
i. Overdraft	RM	RM	RM
ii. Overdraft bercagar	RM	RM	RM
iii. Pinjaman Kredit	RM	RM	RM
iv. Pinjaman Tetap	RM	RM	RM
Yang Akan / Layak			
v.	RM	RM	RM

(*Jika Projek diawardkan kepada penyebut Harga)

(B) Ulasan-ulasan mengenai kedudukan kewangan dan akaun Pentender

Tandatangan untuk dan bagi pihak bank :

Nama Bank : Nama Pegawai :

Materi Bank : Jawatan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

.....
.....
.....
.....

(NAMA DAN ALAMAT BANK)

Tuan ,

Perkara : Kebenaran Untuk Mendapatkan Maklumat Kewangan (Akaun Bank).

**KERJA MENGGANTI PAGAR DI KUARTERS JKR 901 JKRSB DAN 902 JKRSB, JALAN PEGAWAI,
SUNGAI BESAR, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Saya _____
selaku Pengarah bagi Syarikat _____ dengan ini
memberi kebenaran kepada JKR Selangor / Daerah Sabak Bernam untuk mendapatkan maklumat
kewangan syarikat ini bagi tujuan penilaian tender/ sebutharga untuk projek di atas.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diminta untuk memberikan kerjasama dengan memberikan
maklumat berkaitan kewangan terkini syarikat seandainya diperlukan.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar ,

.....
(Tandatangan Pengurus Syarikat)

.....
.....
.....

.....
(Nama dan Alamat Syarikat)

**Nota: Surat ini hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen tender / sebutharga
sewaktu tarikh tutup tender/sebutharga.**

*Kepala Surat Syarikat

Tarikh : dd/mm/yyyy

Kepada : Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (49572-H)
Bahagian Pembiayaan Kontrak
Aras 12, Menara SME Bank
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

KEBENARAN SEMAKAN DARIPADA AGENSI RUJUKAN/LAPORAN KREDIT KE ATAS SYARIKAT

Nama Syarikat **[nama syarikat]**
Nombor Pendaftaran Syarikat **[nombor pendaftaran syarikat]**
Dengan SSM
Nombor rujukan pendaftaran oleh Agensi Berkaitan [hanya tergunapakai bagi syarikat perkongsian & pemilik tunggal dilesenkan / didaftarkan di Sabah dan Sarawak sahaja]
Contoh :

- Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA)
- Sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding Sarawak (UPKJ)
- Agensi pendaftar yang lain di Sabah dan Sarawak

Saya/Kami **[nama syarikat]** dengan ini memberi kebenaran kepada Kerajaan melalui **Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (49572-H)** untuk membuat sebarang semakan daripada mana-mana agensi rujukan/laporan kredit dan/atau dari mana-mana agensi lain bagi **[nama syarikat]** dan memberikan kepada Kementerian/Agensi di alamat/e-mel berikut dan untuk memberi maklum balas ke atas sebarang pertanyaan yang diterima daripada Kementerian/Agensi :

Nama Kementerian/Agensi : **JABATAN KERJA RAYA
DAERAH SABAK BERNAM**

Nama Pejabat Pengeluar : **PEJABAT JURUTERA DAERAH,
JKR SABAK BERNAM,
45300 SUNGAI BESAR,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Alamat E-mel : sabakbernam@jkr.gov.my

Nombor Telefon : **03-32242581, 03-32242619, 03-32242642**

Sila kemukakan kepada Kementerian/Agensi Laporan Semakan/Kredit syarikat dalam tempoh dua (2) hari bekerja selepas surat ini diterima daripada Kementerian/Agensi oleh pihak Bank.

Syarikat sedar bahawa :

- a) Laporan Semakan/Kredit yang disediakan akan dikendalikan sebagai dokumen sulit oleh Kementerian/Agensi. Bagi tujuan menjawab pertanyaan Kementerian/Agensi, pihak Bank boleh memberi maklum balas terhadap sebarang pertanyaan dalam terma permohonan ini kepada pihak yang mewakili Kementerian/Agensi tersebut.
 - b) Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang Laporan Semakan/Kredit yang hilang/tersalah letak oleh mana-mana pihak ketiga atau apa-apa kerugian dan kerosakan yang dialami oleh syarikat yang timbul, sama ada secara langsung/tidak langsung, daripada Bank.
2. Syarikat ini ****berhasrat / tidak berhasrat** untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan SME-Go Scheme yang ditawarkan oleh SME Bank.

.....
[Nama Pengarah Syarikat]*

No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Nama dan Cap Syarikat :

Nota :

- * Salah Seorang Pengarah Syarikat Yang Diberi Kuasa Untuk Urusan Kewangan Syarikat
- ** Potong mana yang tidak berkenaan

BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/ JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN (KONTRAK KERJA)

Sebagai balasan kepada Kontrak No. yang dibuat antara Kerajaan Malaysia, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") dan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi (namakan projek), kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kerajaan seperti berikut:

- 1 Apabila Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM.....) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

- 2 Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendaknya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

- 3 Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

- 4 Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal") (Initial Expiry Date) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan atau dalam keadaan dimana kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati asal (Initial Expiry Date) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan" (Extended Expiry Date) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM)

- 5 Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (Initial Expired Date) atau Tarikh Mati Lanjutan (Extended Expiry Date) melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.
- 6 SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk)
Dan bagi pihak Penjamin) Nama :
Di hadapan) Jawatan :
) Jawatan :
) Cop Bank/Syarikat Kewangan/
Syarikat Insurans:

.....
(Saksi)

Nama :

Jawatan :

Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans :